| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Nyatakan<br>**Dua perbuatan mempersendakan agama :**<br>- Bangga melakukan maksiat.<br>- Memperkecilkan tuntutan fardhu.<br>- Mencaci golongan ulama.<br>- Mempermainkan hukum hakam Islam.<br>- Tidak mengeluarkan zakat.<br>- Makan dikhalayak ramai pada siang hari di bulan Ramadan.<br>- Meninggalkan solat. | [2isi x1m=2m] |
| | | (ii) | Jelaskan<br>**Empat cara memelihara agama :**<br>- Melaksanakan hak Allah seperti melakukan solat dan bertaubat.<br>- Menghidupkan sunnah Rasulullah SAW pada pagi atau petang.<br>- Mematuhi hukum syarak dalam bermasyarakat.<br>- Berusaha memahami ajaran Islam yang sebenar.<br><br>**Catatan :** Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | [4isi x1m=4m] |
| | | (iii) | KBAT (Bagaimanakah)<br>**Umat Islam hari ini mampu menjamin keutuhan Islam sehingga digeruni oleh orang lain** (see descriptor table below)<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Sentiasa membela hak-hak Islam.<br>- Menjaga tingkah laku dalam pergaulan.<br>- Membelanjakan harta untuk kepentingan Islam. | ← Soalan mengelirukan<br><br>[4m]<br>- isi=1m<br>- huraian=1m<br>- huraian lengkap=1m<br>- kesimpulan=1m |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu hujah sahaja. | 1m |
| Menyatakan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

[Lihat halaman sebelah

1223/2 (PP) © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned by CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| | | | **Contoh jawapan :**<br><br>Umat Islam hari ini perlu membela hak-hak Islam. /(*1m*) **Contohnya** umat Islam lantang bersuara jika ada pihak yang mempertikaikan isu menutup aurat dalam kalangan muslimah. /(*1m*) **Kesannya** peraturan dan hukum al-Quran dapat dimartabatkan dan dilaksanakan. /(*1m*) **Kesimpulannya,** umat Islam hendaklah sentiasa mendukung dan membela agama *agar* kesucian Islam tidak tergugat dan dipandang rendah. /(*1m*) | |
| | (b) | (i) | Nyatakan<br>**Dua ciri makanan yang baik :**<br><br>- Disembelih dengan nama Allah SWT.<br>- Makanan yang berkhasiat dan tidak memudaratkan.<br>- Halal dimakan.<br>- Diperoleh dari usaha yang halal.<br>- Makanan yang suci / bersih. | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | Jelaskan # hikmah<br>**Empat hikmah menjauhi makanan dan minuman yang haram terhadap diri sendiri :**<br><br>- Kesihatan diri akan terjaga dan terjamin sepanjang masa.<br>- Kewarasan akal akan sempurna dan dapat berfikir dengan baik.<br>- Maruah diri akan sentiasa terjaga dan terpelihara dari melakukan maksiat.<br>- Doa akan dimakbulkan dan ibadat yang dilakukan diterima Allah.<br>- Dapat pahala dan jauh dari seksaan api neraka. | [4isi x1m=4m] |
| | | (iii) | Terangkan<br>**Dua pengajaran daripada hadis di atas :**<br><br>- Umat Islam hendaklah prihatin terhadap makanan dan minuman yang halal dan berkhasiat (*1m*) **kerana** ia berhubung rapat dengan penerimaan ibadah yang dilakukan. (*1m*)<br>- Kita wajib memakai pakaian yang menutup aurat, bersih dan sesuai (*1m*) **agar** kehormatan diri sentiasa terjaga. (*1m*)<br>- Kita wajib menghindarkan diri daripada makanan dan minuman yang haram (*1m*) **kerana** ia akan memudharatkan kesihatan. (*1m*)<br><br>**Catatan :** Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | [2isi x2m=4m] |

[Lihat halaman sebelah


1223/2 (PP) © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned by CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | Senaraikan<br>**Dua golongan yang diharuskan melihat aurat wanita :**<br>- Suami.<br>- Bapa.<br>- Bapa mertua.<br>- Anak-anak.<br>- Adik beradik lelaki.<br>- Anak saudara lelaki.<br>- Hamba.<br>- Kanak-kanak.<br>- Lelaki tua yang telah uzur dan tiada keinginan terhadap wanita.<br>* doktor yg. merawat - X<br>* bapa saudara | [2isi x1m=2m] |
| | | (ii) | Jelaskan<br>**Dua usaha untuk menjaga batas pergaulan sesama ahli keluarga :**<br>- Sentiasa berpakaian sopan dan menutup aurat..<br>- Sentiasa menjaga pergaulan ketika bercakap.<br>- Menjaga pandangan daripada melihat perkara-perkara yang haram atau bahan lucah.<br>- Mengasingkan bilik tidur antara adik beradik lelaki dan perempuan. | tidak berbual di tempat tertutup.<br>[2isi x1m=2m] |
| | | (iii) | Terangkan<br>**Dua sebab Islam melarang wanita mendedahkan aurat mereka kepada lelaki bukan mahram :**<br>- Akan mengakibatkan berlakunya fitnah (*1m*) kerana tidak mengamalkan cara hidup yang disarankan oleh Islam. (*1m*)<br>- Maksiat dan jenayah berleluasa (*1m*) kerana auratnya tidak dipelihara. (*1m*)<br>- Maruah dan kesucian diri tercemar (*1m*) kerana berpakaian yang mencolok mata. (*1m*)<br><br>**Catatan :** Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | [2isi x2m=4m]<br><br>1 isi=1m<br>1 huraian=1m |

[Lihat halaman sebelah
SULIT

 © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned by CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Nyatakan<br>**Dua contoh amalan nawafil :**<br><br>- Berdoa / bermunajat.<br>- Berzikir / bertasbih / bertakbir.<br>- Menjaga silaturrahim.<br>- Berbudi-bahasa / senyum.<br>- Berselawat ke atas nabi.<br>- Membaca al-Quran.<br>- Berpuasa sunat.<br>- Melakukan solat sunat. | [2isi x1m=2m] |
| | | (ii) | Jelaskan<br>**Dua kelebihan mengamalkan amalan nawafil dalam kehidupan seorang pelajar :**<br><br>- Hidup akan sentiasa diberkati dan dirahmati oleh Allah.<br>- Diri akan sentiasa terpelihara dan dijauhi daripada melakukan maksiat / keburukan.<br>- Doa yang dipohon akan dimakbulkan oleh Allah.<br>- Mendapat ganjaran pahala dan dijauhi dari dosa.<br>- Mendapat nikmat dalam melakukan ibadat.<br>- Dipandang tinggi dan mulia oleh guru dan masyarakat. | [2isi x1m=2m] |
| | | (iii) | **Cadangkan program yang boleh dilaksanakan untuk membudayakan amalan nawafil di sekolah anda :** Ini bukan soalan menyenaraikan ini LIHAT<br><br>(see descriptor table below)<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Program bacaan surah Yaasin.<br>- Program solat Dhuha.<br>- Program sumbangan infak dan sedekah.<br>- Program bantuan kepada pelajar miskin dan anak yatim.<br>- Program solat berjemaah di surau sekolah. | Sebutkan nama program!<br><br>* program ceramah tentang ibadat nawafil<br>↓<br>X<br><br>[4m]<br><br>- isi=1m<br>- huraian=1m<br>- huraian lengkap=1m<br>- kesimpulan=1m |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu hujah sahaja. | 1m |
| Menyatakan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

[Lihat halaman sebelah

1223/2 (PP) © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned by CamScanner

| No. Soalan | | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | **Contoh jawapan :**<br><br>Program yang boleh dilaksanakan untuk membudayakan amalan ibadah nawafil di sekolah saya ialah program bantuan kewangan dan alatan sekolah kepada pelajar miskin dan anak yatim. / (*1m*). **Ini bertujuan agar dapat** memupuk budaya bersedekah dan saling bantu membantu. / (*1m*) **Kesannya** hubungan silaturrahim antara warga sekolah bertambah erat dan mesra. / (*1m*) **Kesimpulannya,** kita hendaklah sentiasa melakukan amalan nawafil dan mendekatkan diri kepada Allah *agar* hidup sentiasa diberkati dan dirahmati oleh Allah. / (*1m*) | |
| | (c) | | | Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D yang betul daripada jadual di atas. Anda hanya perlu menulis nombor soalan dan jawapan sahaja.<br><br>(i) B<br>(ii) D<br>(iii) C<br>(iv) A<br><br>البارئ<br>السموات<br>شجرة<br>غريبة | [4 isi x1m=4m] |
| 3 | (a) | (ii) | | Senaraikan<br>**Dua tugas manusia sebagai khalifah Allah SWT :**<br><br>- Mengabdikan diri kepada Allah SWT.<br>- Membina kekuasaan di atas muka bumi untuk menjalankan perintah Allah SWT.<br>- Memakmurkan bumi dengan pembangunan. | - mengajak kpd kebaikan<br>- mencegah kemungkaran<br>[2isi x1m=2m] |
| | | (ii) | | Jelaskan<br>**Dua tujuan Allah SWT memberi ujian kedudukan darjat kepada manusia :**<br><br>- Agar manusia lebih mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada mereka.<br>- Agar manusia dapat saling membantu dan melengkapi antara satu sama lain.<br>- Mendekatkan diri setiap manusia kepada Allah SWT kerana sentiasa mengingati-Nya. | [2isi x1m=2m] |

[Lihat halaman sebelah


1223/2 (PP) © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned by CamScanner

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (iii) | Hujah utk menolak dakwaan<br>**Terdapat segelintir golongan yang mendakwa bahawa mereka boleh menanggung dosa orang lain.** | |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu hujah sahaja. | 1m |
| Menyatakan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :**

- Setiap manusia bertanggungjawab terhadap dosa yang mereka lakukan.
- Para rasul hanya diutus menyeru manusia ke jalan Allah SWT dan tidak diutus untuk menanggung dosa orang lain.
- Allah SWT tidak membebankan manusia degan dosa orang lain.
- Semua perbuatan baik dan jahat akan dihisab oleh Allah SWT.

[4m]

- isi=1m
- huraian=1m
- huraian lengkap=1m
- kesimpulan=1m

**Contoh jawapan :**

Setiap manusia bertanggungjawab terhadap dosa dan apa yang dilakukan. /(*1m*) Ini kerana Allah tidak membebankan manusia dengan dosa yang dilakukan oleh orang lain. /(*1m*) **Kesannya** manusia perlu berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perbuatan dan apakah akibat yang akan dihadapi. /(*1m*) **Oleh itu**, kita janganlah mudah terpengaruh dengan pendapat dan ajaran yang merosakkan akidah *kerana* ia boleh mengundang kemurkaan Allah SWT. /(*1m*)

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (b) (i) | Nyatakan<br>**Maksud potongan hadis yang bergaris :**<br>ولا تباغضوا ولا تدابروا<br>- Jangan benci-membenci / (1m) dan jangan berpaling muka /sombong (1m) | [2isi x1m=2m] |

[Lihat halaman sebelah
SULIT

 © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned by CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Jelaskan<br>**Dua cara untuk mengekalkan perpaduan dalam masyarakat :**<br><br>- Mengamalkan sikap tolong-menolong terutama apabila ditimpa musibah.<br>- Mengamalkan budaya ziarah-menziarahi dimusim perayaan.<br>- Mengadakan program gotong royong membersihkan kawasan kejiranan. | [2isi x1m=2m] |
| | | (iii) | Terangkan<br>**Dua pengajaran yang boleh diamalkan daripada hadis di atas ialah :**<br><br>- Kita hendaklah mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat (*1m*) agar hubungan silaturahim bertambah erat. (*1m*)<br>- Kita hendaklah mengamalkan sifat mahmudah dalam kehidupan (*1m*) agar negara menjadi aman dan makmur. (*1m*)<br>- Kita hendaklah menjaga perhubungan silaturahim (*1m*) agar perpaduan dapat dibina. (*1m*)<br><br>Catatan : Mana-mana sifat negatif yang disebut dalam hadis diterima sebagai isi yang berlainan. | [2isi x2m=4m] |
| | (c) | | **Susun semula potongan ayat di bawah mengikut tertib seperti di dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor sahaja secara mendatar.** | |
| | | | - 3 , 1 , 4 , 2<br><br>**Catatan** : Hanya 3, 1, 4, 2 yang ditulis secara mendatar sahaja diterima. | [4x1m=4m] |
| 4 | (a) | (i) | Senaraikan<br>**Dua ciri peribadi mukmin selain daripada menginfakkan harta ke jalan Allah SWT :**<br><br>- Sentiasa sujud kepada Allah SWT.<br>- Tidak bersikap sombong atau takbur.<br>- Melazimi qiamullail.<br>- Sentiasa berdoa kepada Allah SWT.<br>- Sentiasa berzikir / bertasbih memuji Allah. | [2isi x1m=2m] |

[Lihat halaman sebelah



1223/2 (PP) © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned by CamScanner

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|

**(ii)** Jelaskan

**Empat kelebihan beramal dengan ciri-ciri tersebut :**

- Dirinya sentiasa dikasihi dan disayangi oleh Allah SWT.
- Mendapat ketenangan jiwa dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.
- Mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.
- Melahirkan sifat sabar dan redha dalam menghadapi ujian Allah SWT.

[4isi x 1m=4m]

Orng mukmin bersifat tawaduk kerana mereka menyedari kekurangan diri berbanding kebesaran Allah s.w.t.

**(iii)** **Usaha untuk memenuhi tuntutan tersebut** oleh org yg beriman **:**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu hujah sahaja. | 1m |
| Menyatakan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

[4m]

- isi=1m
- huraian=1m
- huraian lengkap=1m
- kesimpulan=1m

**Cadangan isi :**

- Memperbanyakkan ibadah sunat dalam kehidupan seharian untuk memantapkan ibadah wajib.
- Memahami dan mengkaji isi kandungan al-Quran bagi memantapkan akidah.
- Sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah SWT kerana dianugerahkan akal yang sihat / tubuh badan yang sempurna.
- Melazimi berdoa kepada Allah SWT agar dijauhi daripada godaan syaitan.
- Melakukan sujud syukur sebagai tanda menghargai nikmat / anugerah yang diperolehi.

**Contoh jawapan :**

**Antara usaha** yang boleh dilakukan ialah dengan sentiasa berdamping dengan ulama bagi meningkatkan pengetahuan agama. /(*1m*) **Hal ini** kerana apabila kita berilmu, ibadah yang dilakukan lebih baik berbanding ibadah dalam kejahilan. /(*1m*) Kesannya ianya akan dapat meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT. /(*1m*) **Kesimpulannya,** kita hendaklah sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT agar dapat meningkatkan keinsafan diri dan bersikap lebih tawaduk. /(*1m*)

[Lihat halaman sebelah

1223/2 (PP) © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*
Scanned by CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | | Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris di bawah. Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (A atau B) sahaja<br><br>1 – A – Ra Tafkhim<br>2 – B – Qalqalah Sughra.<br>3 – B – Mad Jaiz Munfasil<br>4 – A – Waqaf Jaiz. | [4 x 1m=4m] |
| | (c) | | Tulis semula petikan di bawah dalam tulisan jawi.<br><br>إسلام تله مڠكاريسكن ادب دالم برنياݢ. اين برتوجوان اونتوق ممستيكن ڤرنياݢائن داڤت برجالن دڠن باءيق دان هرموني سوڤاي تيدق تيمبول سبارڠ ڤنيڤوان سرتا ڤرباله‌ن انتارا ڤنجوال دان ڤمبلي<br><br>Catatan :<br><br>Perkataan betul – Markah: 1-5 – 1m; 6-10 – 2m; 11-15 – 3m; 16-20 – 4m; 21-24 – 5m; 25- 28 – 6m<br><br>- Calon yang hanya menulis beberapa patah perkataan tertentu sahaja (tanpa menulis keseluruhan teks) walaupun betul – (*0 markah*)<br>- Calon yang berusaha menulis keseluruhan teks dalam tulisan jawi dan tiada yang betul – (*1 markah*)<br>- Kesalahan titik dikira sebagai satu kesalahan.<br>- Kedudukan huruf hamzah ء juga diambil kira. | [6m] |



1223/2 (PP) © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned by CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 5 | (a) | (i) | Nyatakan<br>**Maksud al-Quran**<br>- Kalam Allah SWT/*(1m)* yang diturunkan secara beransur-ansur kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan malaikat Jibril. *(1m)* | Mukjizat N. Muhammad - X<br>[2m] |
| | | (ii) | Terangkan<br>**Dua bukti yang menunjukkan al-Quran sebagai mukjiat yang teragung**<br>- Al-Quran kekal hingga ke hari kiamat *(1m)* **kerana** terpelihara daripada sebarang perubahan. *(1m)*<br>- Al-Quran dapat membimbing manusia menuju kebahagian hidup dunia dan akhirat *(1m)* **kerana** mengandungi pelbagai ilmu dan panduan hidup. *(1m)*<br>- Keindahan bahasanya tidak dapat ditandingi *(1m)* **kerana** ianya adalah kalam Allah SWT yang sangat hebat dan mulia. *(1m)* | [2isi x2m=4m]<br>KBM |
| | | (iii) | "banyak berlaku kes penghinaan AQ" → ada yg jwb point<br>**Langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah ini daripada berterusan.**<br>(see descriptor table below)<br>**Cadangan isi :**<br>- Pihak berwajib perlulah mengambil tindakan yang tegas.<br>- Guru-guru di sekolah perlu sentisa mengingatkan pelajar tentang kesan buruk berbuat demikian.<br>- Ibu bapa perlu memantau anak-anak dari terlibat dalam menghina al-Quran. | [4m]<br>- isi=1m<br>- huraian=1m<br>- huraian lengkap=1m<br>- kesimpulan=1m |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu hujah sahaja. | 1m |
| Menyatakan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

[Lihat halaman sebelah


1223/2 (PP) © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned by CamScanner

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| | **Contoh jawapan :**<br><br>Pihak berwajib perlulah mengambil tindakan yang tegas terhadap orang yang melakukan perbuatan ini. /(*1m*) **Ini bertujuan** agar agama Islam dipandang tinggi dan dihormati oleh penganut lain. /(*1m*) **Kesannya** orang ramai tidak akan berani lagi untuk melakukan penghinaan terhadap al-Quran. /(*1m*) **Oleh itu,** kita hendaklah menjaga kesucian agama Islam dan menghormati agama lain *agar* perpaduan dalam masyarakat dapat diwujudkan. /(*1m*) | |
| (b) | Potongan kalimah daripada ayat al-Quran di atas yang mengandungi hukum nun mati dan tanwin dan nyatakan cara bacaannya. | [6 x 1m=6m] |

| | **Potongan kalimah** | **Cara bacaan** |
|---|---|---|
| (i) | أُنزِلَتْ | Dengung |
| (ii) | سُورَةٌ نَّظَرَ | Dengung |
| (iii) | بَعْضٍ هَلْ | Tidak dengung |
| (iv) | مِّنْ أَحَدٍ | Tidak dengung |
| (v) | أَحَدٍ ثُمَّ | Dengung |
| (vi) | ثُمَّ ٱنصَرَفُوا۟ | Dengung |
| (vii) | قَوْمٌ لَّا | Tidak dengung |

jelas tanpa dengung.

**Catatan :**

| Kalimah | Cara Bacaan | Markah |
|---|---|---|
| Betul (1 m) | Betul (1 m) | 2 markah |
| Betul (1 m) | Salah (0 m) | 1 markah |
| Salah (0 m) | Betul ( 0 m) | 0 markah |

[Lihat halaman sebelah


1223/2 (PP) © 2020 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned by CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | Tulis semula pernyataan di bawah dalam tulisan jawi.<br><br>(i) Pembedahan plastik untuk mengembalikan fungsi anggota badan adalah dibenarkan oleh syarak.<br>(ii) Guru memainkan peranan penting dalam menyebarkan ilmu pengetahuan kepada murid.<br>(iii) Unsur maksiat dan khurafat hendaklah dijauhi dalam majlis walimatulurus.<br>(iv) Penglibatan dalam ajaran sesat menjadikan seseorang tidak proaktif dan membuang masa.<br><br>**Catatan :**<br>1. Kesalahan merumikan lebih daripada 4 perkataan tiada markah ( *0m* )<br>2. Huruf ringkas tidak diterima.<br>3. Simbol tidak diterima seperti: n @ &, tidak : x | [4 x1m=4m] |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



Scanned by CamScanner